



26 Disember 2013
26 December 2013
P.U. (A) 375

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH TENAGA BOLEH BAHARU (PERUNTUKAN DARIPADA TARIF ELEKTRIK) 2013

RENEWABLE ENERGY (ALLOCATION FROM ELECTRICITY TARIFFS) ORDER 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA TENAGA BOLEH BAHARU 2011

PERINTAH TENAGA BOLEH BAHARU (PERUNTUKAN DARIPADA TARIF ELEKTRIK) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 24(1) Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [*Akta 725*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Tenaga Boleh Baharu (Peruntukan daripada Tarif Elektrik) 2013**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bulan peruntukan” ertinya suatu bulan kalendar yang bermula dari 1 Januari 2014;

“pemegang lesen pengagihan” ertinya pemegang lesen pengagihan yang disenaraikan dalam Jadual.

Peruntukan dan pembayaran daripada tarif elektrik

3. (1) Seseorang pemegang lesen pengagihan hendaklah memperuntukkan dan membayar ke dalam Kumpulan Wang bagi setiap bulan peruntukan suatu jumlah yang bersamaan dengan satu perpuluhan enam peratus daripada tarif yang dikenakan dan dipungut, selepas ditolak apa-apa diskaun yang terpakai, di bawah subseksyen 26(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 [*Akta 447*] daripada pengguna di Semenanjung Malaysia dan Sabah selain pengguna domestik yang menggunakan bekalan elektrik sebanyak tiga ratus kilowatt jam dan ke bawah bagi setiap bulan.

(2) Tarif yang dikenakan dan dipungut di bawah subperenggan (1) hendaklah berdasarkan kepada—

- (a) elektrik sebenar yang dibekalkan (dalam kilowatt jam); dan
- (b) di mana-mana jua terpakai, kesediaan bekalan elektrik (dalam kilowatt)

(3) Jumlah yang diperuntukkan yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang setiap bulan secara menunggak mengikut cara yang berikut:

- (a) pembayaran bulanan pertama mengandungi peruntukan yang dibuat dalam bulan peruntukan Januari 2014 hendaklah dibayar oleh pemegang lesen pengagihan ke dalam Kumpulan Wang pada atau sebelum 1 Mei 2014; dan
- (b) setiap pembayaran bulanan yang berikutnya mengandungi peruntukan yang dibuat bagi setiap bulan peruntukan selepas Januari 2014 hendaklah dibayar oleh pemegang lesen pengagihan ke dalam Kumpulan Wang pada atau sebelum hari pertama bagi bulan keempat selepas bulan peruntukan masing-masing.

Penyelarasan pembayaran

4. (1) Pihak Berkuasa hendaklah pada setiap tahun menyelaraskan semua pembayaran yang dibuat oleh pemegang lesen pengagihan di bawah subperenggan 3(3) dengan jumlah yang bersamaan dengan satu perpuluhan enam peratus daripada tarif yang dikenakan dan dipungut di bawah subseksyen 26(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 yang dinyatakan di bawah subperenggan 3(1) berdasarkan penyata kewangan teraudit pemegang lesen pengagihan itu.

(2) Pihak Berkuasa boleh, pada bila-bila masa, bagi maksud penyelarasan tahunan yang disebut dalam subperenggan (1), meminta pemegang lesen pengagihan untuk memberikan apa-apa maklumat atau dokumen sokongan lain dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu, atau apa-apa masa lanjutan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa.

(3) Apabila menerima permintaan di bawah subperenggan (2), pemegang lesen pengagihan hendaklah memberikan maklumat atau dokumen sokongan lain itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu atau apa-apa masa lanjutan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa.

(4) Selepas penyelarasan tahunan di bawah subperenggan (1) dibuat dengan mengambil kira maklumat atau dokumen sokongan yang lain yang disebut dalam subperenggan (3), Pihak Berkuasa hendaklah mengeluarkan suatu laporan kepada pemegang lesen pengagihan.

(5) Walaupun maklumat atau dokumen sokongan lain yang diminta di bawah subperenggan (2) tidak diberikan oleh pemegang lesen pengagihan di bawah subperenggan (3), Pihak Berkuasa hendaklah meneruskan dengan penyelarasan di bawah subperenggan (1) dan mengeluarkan suatu laporan kepada pemegang lesen pengagihan itu.

(6) Pihak Berkuasa hendaklah memberikan satu salinan laporan yang dikeluarkan di bawah subperenggan (4) atau (5) kepada Menteri.

(7) Laporan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa di bawah subperenggan (4) atau (5) adalah muktamad.

Mendapatkan semula kekurangan

5. (1) Jika laporan yang disebut dalam subperenggan 4(4) atau (5) menunjukkan terdapat suatu kekurangan dalam peruntukan atau pembayaran yang dibuat oleh pemegang lesen pengagihan di bawah perenggan 3, Pihak Berkuasa hendaklah, dengan seberapa segera yang mungkin, memberitahu pemegang lesen pengagihan itu secara bertulis tentang kekurangan itu dan meminta pemegang lesen pengagihan itu untuk membayar kekurangan itu ke dalam Kumpulan Wang.

(2) Seseorang pemegang lesen pengagihan hendaklah membayar kekurangan di bawah subperenggan (1) ke dalam Kumpulan Wang tanpa apa-apa bunga dalam masa